

10.	SAUNAN PERMIT IMPORT DARIPADA JPV BAGI BAHAN MENTAH BERASASKAN DAGING	*						*
11.	SAUNAN SURAT NOTIFIKASI PRODUK DARIPADA BPFK				*			
12.	SAUNAN VETERINARY HEALTH CERTIFICATION DARIPADA JPV/SURAT PERAKUAN DARIPADA JPV				*			
13.	SAUNAN SURAT TAUJAH PENYEMBEUH DARIPADA JABATAN AGAMA ISLAM BERSTATUS TETAP				*			
14.	SAUNAN LISEN PENGILANG / PENGEDAR / PENCIKIMPOR DARIPADA BPFK					*		
15.	SURAT PENDAFTARAN PRODUK DARIPADA BPFK					*		
16.	SAUNAN PENDAFTARAN KENDERAAN							*
17.	SAUNAN CARTA ORGANISASI JIKAUSA HALAL DALAMAN							*

- * PBT - PIHAK BERKUASA TEMPATAN
- * JAIN - JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI
- * BPFK - BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN
- * JAKIM - JABATAN KEMAJUAN ISLAM
- * JPV - JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

PEMBAHARUAN SIJIL

Pemohonan pembaharuan Sijil Halal Malaysia hendaklah d i k e m u a k a n sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh tamat sijil sedia ada berserta borang dan dokumen lengkap.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL
JABATAN HAL EHWAL
AGAMA ISLAM PULAU PINANG
TINGKAT 44, KOMTAR.
10000 PULAU PINANG


Tel. : 04-250 5454

Faks : 04-250 5452

Laman Web :

<http://jaipp.penang.gov.my>

email : ehalal@peang.gov.my



Permohonan Sijil dan Logo

Halal
Mazkiy
www.halal.gov.my
Umum



PERMOHONAN SIJIL & LOGO HALAL MALAYSIA (UMUM)

Pensijilan Halal Malaysia adalah berdasarkan kepada konsep 'Halalan Toyyiba' yang menawarkan keyakinan kepada pengguna Islam kerana ianya mengikut keperluan Syariah, malahan produk yang mendapat pensijilan halal adalah berkualiti, selamat dan suci.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan Sijil Pengesahan dan Logo Halal Malaysia kepada pengusaha dan pengeluar makanan yang tersenarai didalam Skim Pensijilan Halal Malaysia.

Hanya Logo Halal Malaysia diiktiraf penggunaannya bermula 1 Januari 2012 dan dikuatkuasakan sepenuhnya dibawah Akta Perihal Dagangan (APD 2011) bermula 1 Januari 2013.

PERMOHONAN YANG LAYAK

Skim Pensijilan Halal Malaysia

1. Produk Makanan/Minuman/ Makanan Tambahan
2. Premis Makanan
3. Barangan Gunaan
4. Kosmetik dan dandanan diri
5. Rumah Sembelihan
6. Farmaseutikal
7. Logistik

Pengeluaran Sijil dan Logo Halal Malaysia tertakluk kepada piawaian berikut :

Piawaian	Tajuk
MS 1500:2009	Makanan Halal : Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan - Garis Panduan Umum Semakan Kedua)
MS 2200: Part 1 : 2008	Barang Gunaan Islam Bahagian 1 : Kosmetik dan Dandanan Diri - Garis Panduan Umum
MS 2400-1:2010(P)	Halalan Toyyiban Assurance Pipeline - Management system requirements for the transportation of goods and/or cargo chain services.
MS 2400-2:2010(P)	Halalan Toyyiban Assurance Pipeline - Management system requirements for Warehousing and related activities.
MS 2400-3:2010(P)	Halalan Toyyiban Assurance Pipeline - Management system requirements for Retailing.
MS2424:2012(P)	Halal Pharmaceuticals - General Guidelines

SYARAT-SYARAT PEMOHON

1. Syarikat mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
2. Mempunyai lesen operasi yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
3. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) pekerja Islam warganegara Malaysia berstatus tetap dikawasan pengeluaran;
4. Syarikat/Pengeluar/Pengilang hanya mengeluarkan produk halal sahaja dan bukan produk yang diharamkan oleh Islam;
5. Semua produk tambahan makanan mestilah mendapat surat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlebih dahulu dan tidak dikategorikan sebagai keluaran farmaseutikal;
6. Mempunyai sijil tauliah penyembelih yang masih sah bagi penyembelih dan checker (Permohonan rumah sembelih); dan
7. Tidak boleh menjual minuman keras atau arak termasuk semua barang yang dilarang oleh Islam. (Permohonan premis makanan)
8. Tanggungjawab pengurusan bagi syarikat Multinasional:-
 - i. Jawatankuasa Halal Dalamana
 - Kakitangan tetap sepenuh masa
 - Minima terdiri daripada:
 - o Pengerusi
 - o Eksekutif Halal Muslim
 - o Pegawai yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan urusan pembelian bahan mentah.
 - o Wakil daripada bahan pengeluaran.

ii. Muktamad Sistem Laminan Halal

CARA PERMOHONAN

Pemohonan pensijilan halal Malaysia boleh dibuat secara on-line dengan melengkapkan borang permohonan yang boleh didapati di laman web:

www.halal.gov.my

Penghantaran dokumen sokongan dan urusan surat menyurat hendaklah di alamatkan kepada:

Bahagian Pengurusan Halal,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang,
Tingkat 44, Komtar,
10000, Pulau Pinang

Tel: 04-250 5450, 04-250 5451, 04-250 5454

Faks: 04-250 5452

e-mail: ehalal@penang.gov.my

YURAN

Yuran pemprosesan pensijilan yang dikenakan kepada pemohon adalah bagi tempoh 2 tahun. Yuran ini dikenakan bagi setiap permohonan baru, pembaharuan, tambahan produk dan tambahan cawangan (premis makanan).

DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN BAGI SETIAP KATEGORI (PERMOHONAN BARU)

	KEPERLUAN	PRODUK MAKANAN	PREMIS MAKANAN (HOTEL/ RESTORAN)	BARANG GUNAAN	KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI	RUMAH SEMBELIH	FARMASEUTIKAL	LOGISTIK
1.	SALINAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT	*	*	*	*	*	*	*
2.	SALINAN LESEN OPERASI DARIPADA PBT	*	*	*	*	*	*	*
3.	SALINAN PERNYATAAN KEWANGAN (TAHUN SEBELUMNYA)	*	*	*	*	*	*	*
4.	SALINAN KAD PENGENALAN & SURAT PERALIHAN "PEKERJA MUSLIM WARGANEGARA BERSTATUS TETAP DISAHABIAN PENGELUARAN/ OPERASI"	*	*	*	*	*	*	*
5.	SALINAN HALAL RAMBANG YANG MASIH SAH (SIJIL HALAL DARI JAKIM/SANJIB BADAN ISLAM LUAR NEGARA YANG DIBETAP/ SPESIFIKASI PRODUK YANG TERPERINCI/MSDS)	*	*	*	*	*	*	*
6.	CARTA ALIR PROSES PRODUK	*	*	*	*	*	*	*
7.	PETA LOKASI KILANG	*	*	*	*	*	*	*

Produk Makanan dan Bukan Makanan		
Kategori - Industri	Keterangan	Yuran
Kecil	- Perolehan jualan tahunan tidak melebihi RM500,000 - Bilangan pekerja tidak melebihi 50 orang	RM 200.00
Kecil & Sederhana	- Tahunan di antara RM 500,000- RM 25Juta - Pekerja 50-150 orang	RM800.00
Multinasional	- Perolehan jualan tahunan melebihi RM25 Juta - Secara global & mempunyai rangkaian di beberapa buah negara.	RM1400.00

PREMIS MAKANAN / RESTORAN / DAPUR HOTEL & PENYAJIAN MAKANAN

Jenis	Yuran
Restoran	RM 200 bagi setiap cawangan
Hotel	RM 200 bagi setiap dapur

RUMAH SEMBELIHAN

Jenis	Bilangan Sembelihan Harian			Yuran
	Ayam (Dan/Atau Sejenisnya)	Kambing (Dan/Atau Sejenisnya)	Lembu (Dan/Atau Sejenisnya)	
Kecil	<2000	<500	<50	RM200
Sederhana	2000-3000	500-700	50-100	RM800
Besar	>3000	>700	>100	RM1400